

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 APRIL 2016

BH-11/4/2016

## Dr Mahathir letak jawatan Pengerusi PROTON Holdings Bhd

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Pengerusi PROTON Holdings Bhd, berkuat kuasa 30 Mac 2016.

Surat peletakan jawatan itu sudah diserahkan kepada Pengerah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Bhd, Datuk Seri Syed Faisal Albar, semalam.

Satu kenyataan dari pejabat Dr Mahathir yang disiarkan di blog beliau, "Che Det", turut menyatakan beliau turut melepaskan jawatannya sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada tarikh sama.

**Keputusan sudah dimaklum**

Keputusan itu sudah dimaklumkan kepada Rektor UTP, Datuk Abdul Rahim Hashim.

Menurut kenyataan sama, Dr Mahathir juga meletakkan jawatan sebagai Penasihat ke-

pada Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (TIDA).

"Ketua Setiausaha Negara telah dimaklumkan mengenai peletakan jawatan ini," katanya.

Sementara itu, pengeluar kereta nasional dalam kenyataannya berkata, Dr Mahathir juga meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Group Lotus plc, anak syarikat milik-penuh PROTON.

**Hormati hasrat berundur**

"Kita menghormati hasrat Yang Amat Berbahagia Tun untuk berundur, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan, komitmen dan dedikasi beliau sebagai Pengerusi sejak 2014

dan juga sebagai Penasihat sejak tahun 2003.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih dan mengiktiraf peranan Tun Dr Mahathir sebagai pencipta syarikat kereta nasional," kata PROTON.

PROTON, yang ditubuhkan pada tahun 1983 adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Bhd dan syarikat pembuat kereta terbesar di Malaysia serta satu-satunya syarikat pengeluar kereta sepenuhnya di Asia Tenggara.

Beroperasi di pasaran eksport utamanya termasuk Australia, Thailand, Indonesia dan Mesir, PROTON mengeluarkan kereta yang menepati pelbagai permintaan dan kehendak pengguna dan pembeli kenderaan.